

4 pelajar UiTM Lendu positif H1N1



Wabak selesema babi


Oleh ROSLI HASSAN
rosli@kosmo.com.my

MELAKA - Empat pelajar Universiti Teknologi Mara (UiTM) kampus Lendu, Alor Gajah di sini disahkan positif dijangkiti virus selesema babi semalam.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Liow Tiong Lai berkata, seorang daripada empat pelajar berkenaan sedang mendapatkan rawatan di Hospital Melaka manakala tiga lagi dikuarantin di kampus berkenaan.

"Keadaan di UiTM Lendu kini masih terkawal. Bagaimanapun, keadaan di kampus itu akan sentiasa dinilai dan jika ia terus merebak, kita mungkin terpaksa menutup kampus ini buat sementara," katanya kepada pemberita selepas majlis perasmian Konvensyen MCA Melaka di sini semalam.

Konvensyen itu dirasmikan oleh Presiden MCA, Datuk Seri Ong Tee Kiat.



PINTU masuk ke Universiti Teknologi Mara cawangan Melaka yang terletak di Lendu.

Menurut Tiong Lai, pasukan kesihatan telah ditempatkan di kampus itu sebagai langkah pencegahan virus berkenaan daripada merebak sambil melakukan penilaian terperinci mengenai situasi di kampus tersebut.

Tambah beliau, terdapat be-

berapa kes selesema ringan atau selesema biasa di kampus itu dan pelajar terbabit sedang dipantau.

"Pada masa kini, mereka hanya dikenakan kuarantin dalam bilik masing-masing," katanya.

Sementara itu, Pengarah UiTM Melaka, Prof. Madya Da-

Info Kes selesema babi

MALAYSIA

Kelmarin

671 kes
485 kes import
186 jangkitan tempatan

Semalam

710 kes
507 kes import
203 jangkitan tempatan

SELURUH DUNIA

Kelmarin

105,000 kes
463 kematian

Semalam

106,565 kes
470 kematian

Sekolah ditutup

Sekolah Kebangsaan Sulaiman 1, Kuala Terengganu

Pelajar kuarantin di rumah

Pelajar Tingkatan Empat Jaya, Sekolah Menengah Aminuddin Baki, Kuala Lumpur

Hotline
03-8883 4414, 03-8883 4415,
03-8881 0200
dan 03-8881 0300 atau
<http://h1n1.moh.gov.my>

Sumber: Kementerian Kesihatan



Pelajar mati akibat Meningo Encephalitis

SEREMBAN - Seorang pelajar Sekolah Tinggi Chung Hwa, di sini yang meninggal dunia di Hospital Tuanku Ja'afar Seremban (HTJS) petang semalam dipercayai akibat jangkitan virus Meningo Encephalitis (ME) atau radang otak.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Liow Tiong Lai berkata, Chan Hui Ven, 16, dimasukkan ke HTJS dalam keadaan separuh koma pada Rabu lalu dan meninggal dunia pada pukul 4.20 petang.

"Setakat ini, pemeriksaan awal mendapati kematian pelajar itu disebabkan oleh jangkitan virus ME.

"Bagaimanapun kita telah hantar sampel ke Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) untuk kajian lanjut bagi mengesahkan punca sebenar kematian pelajar terbabit," katanya kepada pemberita selepas perasmian Perhimpunan Agung MCA Negeri Sembilan 2009 oleh Presiden MCA yang juga Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Ong Tee Keat di sini semalam.

Menurut Tiong Lai, jangkitan virus ME iaitu jangkitan kuman pada keseluruhan otak jarang berlaku melainkan melalui hubungan langsung dengan punca.

"Ini bermakna, jangkitan itu hanya akan berlaku jika terdapat sama ada pencemaran air atau pencemaran kawasan. Ini adalah kes pertama yang berlaku di Seremban tetapi saya tidak pasti di negeri-negeri lain," katanya.

Satu sekolah tutup, 39 kes baru

Menurut beliau, pihak Kementerian sedang mengesan kontak kes itu untuk mengambil langkah pencegahan.

KUALA LUMPUR - Sekolah Kebangsaan Sultan Sulaiman 1, Kuala Terengganu ditutup manakala kesemua 47 pelajar Tingkatan Empat Jaya, Sekolah Menengah Aminuddin Baki di sini pula dikenakan tindakan kuarantin di rumah masing-masing.

Tindakan ke atas pelajar di kedua-dua sekolah itu berkuat kuasa sehingga 15 Julai ini.

Selain itu, menurut Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Datuk Dr. Mohd. Ismail Merican, sehingga semalam, terdapat sebanyak 39 kes baru selepas dua kes.

Ia terdiri daripada 22 kes import dan 17 kes jangkitan tempatan menjadikan kesemua kes terkumpul akibat pandemik tersebut ialah 710 kes, 507 kes import dan 203 kes jangkitan tempatan.

Dalam pada itu, katanya, daripada 710 jumlah pesakit selepas dua kes, sebanyak 637 iaitu 90 peratus telah pulih dan dibenarkan keluar daripada hospital manakala baki, 72 orang lagi masih dirawat di hospital.

Merujuk situasi global, katanya, Pertubuhan Kesihatan Sedunia menjelaskan, jumlah terkumpul kes selepas dua kes yang dilaporkan sebanyak 106,565 kes dengan 470 kematian.

Sementara itu, di KUALA TERENGGANU, selepas dua pelajar disahkan positif selepas dua kes, Sekolah Kebangsaan Sultan Sulaiman 1 di sini pula ditutup sehingga Rabu ini.

Pengarah Pelajaran negeri, Ariffin Embong berkata, langkah itu diambil selepas men-



SEKOLAH Kebangsaan Sultan Sulaiman 1, Kuala Terengganu ditutup selama lima hari selepas dua muridnya dijangkiti H1N1.

dapat arahan daripada Kementerian Kesihatan bagi mengelak pelajar lain dijangkiti virus berkenaan.

Katanya, dua murid sekolah

terbabit terpaksa dikuarantin di Hospital Sultanah Nur Zahirah di sini kerana dipercayai dijangkiti wabak ini selepas pulang dari luar negara.

Info Meningo Encephalitis

- Sejenis penyakit radang otak dan membran
- Organisma-organisma punca penyebab termasuk protozoa, virus patogen dan bakteria
- Penyakit itu dikaitkan dengan kadar kematian tinggi dan mati dalam keadaan ngeri
- Kebanyakan Meningo Encephalitis pada haiwan adalah bakteria dan menggabungkan demam, kesakitan dan ketegaran meninges dengan gegaran, kekejangan dan kelumpuhan Encephalitis
- Ia didakwa menjadi punca kematian bagi seorang penyampai TV popular British, Christopher Price
- Pada Mei 2009, bekas Ketua Menteri New South Wales (Australia), Morris Lemma telah dimasukkan ke hospital akibat Meningo Encephalitis

sumber: www.wikipedia.com, www.answers.com, www.wrongdiagnosis.com